

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HSM 414 - Sejarah Masalah Kaum Buruh Malaysia

Tarikh: 13 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan.

1. Walaupun pembahagian dan identifikasi kaum dalam bidang perburuhan di Malaya mungkin disebabkan oleh faktor-faktor yang rumit tetapi tidak dapat dinafikan bahawa salah satu daripadanya ialah peranan dan dasar kerajaan kolonial. Bincangkan.
2. Daripada kajian pergerakan kaum buruh di dalam perusahaan getah terangkan faktor pimpinan yang dapat mencetuskan mogok-mogok buruh China pada 1937 dan mogok-mogok buruh India pada 1941.
3. Dalam konteks perkembangan perjuangan kaum buruh di antara 1945 dan 1948, Kesatuan Sekerja Umum seMalaya berjaya menarik sokongan sebahagian besar kaum buruh Cina dan India. Mengapa?
- (4) Apakah syarat-syarat utama yang termaktub dalam Akta Kesatuan Sekerja 1946 dan apakah pindaan-pindaan yang diperkenalkan untuk memperketatkan pergerakan kaum buruh pada awal 1948?
5. Pengisytiharan Darurat pada bulan Jun 1948 boleh dianggap sebagai titik pemisahan sejarah pergerakan kaum buruh di Malaya. Jelaskan.
6. Pembentukan Majlis Kesatuan Sekerja Malaya (Malayan Trade Union Congress) adalah semata-mata untuk memperlindungi pekerja-pekerja daripada anasir-anasir subversif. Bahaskan.
7. Pergerakan kesatuan sekerja di kalangan buruh Cina telah lenyap selepas Kesatuan Sekerja Umum diharamkan pada bulan Jun 1948 tetapi muncul semula di antara 1955 dan 1957. Bincangkan.